

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 2 OGOS 2018 (KHAMIS)

SOALAN : 37

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah pelan alternatif Kementerian dalam meningkatkan kecekapan jaringan pengangkutan awam setelah membatalkan beberapa projek mega yang telah dirancang dan dirangka sebelum ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan pengangkutan awam tetap menjadi salah satu fokus utama kerajaan kerana ianya dapat mempertingkatkan ekonomi dan produktiviti rakyat dengan mengurangkan kesesakan lalulintas khususnya di kawasan bandar dan juga menjanjikan perkhidmatan yang lebih berkemampuan kepada semua.

Walaupun beberapa projek mega yang telah dirancang sebelum ini telah dijadualkan semula / ditangguh / dibatalkan disebabkan kos yang tinggi serta tiada keperluan yang mendesak buat masa ini, kerajaan akan memberi fokus baru kepada penambahan perkhidmatan bas berhenti-henti bagi menjamin mobiliti rakyat yang bukan sahaja di sekitar Lembah Klang malah di seluruh Malaysia selaras dengan manifesto kerajaan untuk menambah baik kualiti serta liputan perkhidmatan pengangkutan awam. Di dalam konteks ini, pertambahan 10,000 buah bas akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh lima tahun.

Selain itu, bagi memastikan kesamarataan (*level playing field*) kepada industri teksi selain memudahkan pengguna, Kerajaan juga telah mula mengawalselia perkhidmatan e-hailing melalui Akta Pengangkutan Awam Darat (Pindaan) 2017 bermula 12 Julai 2018. Sehingga kini, sebanyak

598,713 pemandu telah berdaftar di bawah syarikat yang mengendalikan perkhidmatan e-hailing.

Disamping itu, perkhidmatan rel sedia ada khususnya di Lembah Klang akan ditambah baik menerusi kerja-kerja menaiktaraf dan membaikpulih struktur landasan kereta api. Pelaksanaan projek ini telah bermula sejak November 2015 dan dijangka siap pada November 2019 menerusi Projek Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Elektrik sepanjang 42KM daripada Rawang ke Salak Selatan dan Sentul ke Simpang Batu. Kelajuan operasi kereta api dan kekerapan akan dapat ditingkatkan menerusi kualiti landasan yang telah dibaikpulih sekaligus dapat menggalakkan lebih ramai orang awam menggunakan perkhidmatan rel. Kemudahan stesen komuter juga akan dinaiktaraf bagi memberi keselesaan kepada penumpang di 16 buah stesen yang telah dikenalpasti.

Tambahan pula, penyiapan projek MRT2 yang dijadualkan beroperasi pada tahun 2021 dijangka dapat membantu mengurangkan lagi kesesakan lalu lintas di masa hadapan. Projek LRT3 dari Bandar Utama ke Bandar Klang (37KM) terus dilaksanakan setelah kerajaan baru berjaya menjimatkan kos sebanyak hampir RM15 bilion.

Projek-projek rel lain di dalam kajian termasuk Projek Menaiktaraf Kemudahan Infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Elektrik di Lembah Klang Fasa 2 di jajaran Salak Selatan ke Seremban dan Simpang Pelabuhan Klang ke Pelabuhan Klang (108KM).

Untuk makluman, projek-projek infrastruktur pengangkutan mega sebelum ini kebanyakannya bertumpu di kawasan Lembah Klang. Di bandar-bandar dan kawasan luar bandar yang terletak di luar Lembah Klang, didapati bahawa jaringan pengangkutan awam adalah kurang sempurna dan di sesetengah tempat hampir tidak wujud. Maka Kerajaan baru bertekad untuk menyusun langkah-langkah baru supaya rakyat yang menduduki kawasan di luar Lembah Klang juga dapat menikmati perkhidmatan pengangkutan awam yang cekap dan mempunyai harga berpatutan pada masa yang akan datang.